

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA

9 771823 642005

ISSN 1823-6421

NILAI BAHAN TERPAKAI KEPADA PEREKA TEKSTIL

Zainab Anuar¹, Hamdan Haji Lias¹ dan Haslinda Abdul Hamid²

¹Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kelantan.

²Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kelantan.



Dunia pengajaran dan pembelajaran adalah suatu tugas yang amat besar di mata dunia kerana tenaga pengajarnya bakal melahirkan generasi bijak pandai dalam segala bidang. Namun begitu, tenaga pengajar perlulah sentiasa menjadi seorang yang “up to date” supaya seiring dengan permintaan industri serta perkembangan teknologi semasa di era industri revolusi yang ke-4 (4IR).

Encik Hamdan Haji Lias merupakan seorang Pensyarah Kanan di UiTM Cawangan Kelantan di mana beliau menjadikan alam sekitar terutamanya bahan alam semulajadi dan bahan buatan manusia yang rosak tanpa diguna pakai dijadikan sebagai sumber inspirasi dalam penghasilan reka corak batik kontemporari. Oleh itu, beliau telah mencipta alatan blok batik yang diperbuat daripada kawat besi terpakai dan menghasilkan blok batik menggunakan bahan buluh. Menerusi penghasilan inovasi tersebut, beliau telah

blok buluh

memenangi beberapa pertandingan sama ada di peringkat universiti mahupun antarabangsa. Di peringkat universiti, beliau pernah memenangi pingat perak bagi pertandingan inovasi IIDEX2017 dan ICON2017. Bagi peringkat antarabangsa pula, beliau pernah menyertai Pertandingan Batik Piala Seri Endon yang dianjurkan oleh Yayasan Budi Penyayang Malaysia iaitu pada tahun 2014, 2015, 2016 dan 2018 yang telah membawakan rekaan corak batik terhasil dari kajian tersebut. Pertandingan ini merupakan landasan pengukuran penerimaan dan pengiktirafan dari pihak industri tekstil batik khususnya di Malaysia. Di samping itu, ia dapat mempromosikan, menjana pendapatan dan dapat memberi sumbangan dalam bidang akademik serta kepakaran sebagai pensyarah. Pencapaian ini amat membanggakan di mana beliau telah menjadi role model kepada pelajar untuk mencipta nama dan kejayaan pada masa hadapan sebagai seorang usahawan.

Berbeza pula dengan penulis, beliau lebih cenderung kepada penghasilan karya seni serat kreatif (fiber art creative) daripada bahan terbuang seperti fabrik. Antara projek yang pernah dihasilkan adalah seni hiasan dinding. Seperti mana yang kita sedia maklum, bahan terpakai yang dibuang di tempat pelupusan sampah akan menyebabkan pencemaran alam sekaligus memberi ancaman kepada manusia serta hidupan alam yang lain kerana ia sukar dilupuskan atau dikitar semula. Bahan fabrik terpakai ini, jika digunakan semula, dapat bertahan untuk beberapa tahun lagi jika dijadikan produk baru. Ia mempunyai

fiber



te

nilai yang tersendiri di mana apabila ianya menjadi sesebuah karya, ia boleh dijual dengan harga ratusan ringgit. Selain menjadikan fabrik terpakai ini sebagai produk berharga, penulis juga menyertai beberapa pameran seni di peringkat antarabangsa. Landasan ini sebenarnya merupakan cara terpantas untuk memasarkan produk serta karya seni di mana ia dapat dilihat oleh warga umum yang mungkin merupakan bakal pelanggan kita pada masa hadapan.

Perkongsian ini diharap dapat membuka minda para pelajar yang sedang menjalani pengajian di dalam bidang ini mengenai peluang pekerjaan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu alternatif kerjaya dalam menggunakan bahan terbuang dan memberi peluang pekerjaan kepada graduan untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Rujukan

"Kita Sama" Appreciating Similarities & Diversities, in The 11th ASIA FIBER ART EXHIBITION AND SYMPOSIUM, MALAYSIA 2019 (AFA11) catalogue, ISBN 978-967-5741-85-2, 2019, p. 46.

2017 ISSUE, in the Batik Guild magazine is produce by Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Copyright 2012. Batik Guild Sdn Bhd., ISSN: 1985-3297, 2017, p. 26-27.

A. Osman., 'Ini Sebabnya Mengapa Pakaian Lama Jarang Dikitar Semula', 2018. <https://iluminasi.com/bm/ini-sebabnya-mengapa-pakaian-lama-jarang-dikitar-semula.html>

image by mibaty from pixabay

ekstensi